

B A B

I

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Selama beberapa kurun mazhab Sh fi'ī telah berkembang dengan begitu pesat dan diterima ramai dan diamalkan secara meluas. Sehingga ke hari ini mazhab Sh fi'ī diamal dan diajarkan sebagai panduan dalam beribadat dan aturan-aturan hidup yang lain bukan sahaja ditempat kelahirannya Iraq dan Mesir bahkan ia adalah mazhab yang dominan di beberapa negara lain seperti Yaman, Mesir, Palestin dan di Asia Tenggara merangkumi Indonesia, Malaysia, Brunei, Singapura, Filipina dan Thailand. Perkembangannya tersebut bukan sahaja kerana kehebatan pengasas mazhab, iaitu al-Im m al-Sh fi'ī yang sangat terkenal sebagai seorang yang pintar dan petah berhujah bahkan ini didukung lagi oleh generasi fuqaha yang muncul seterusnya mengambil peranan mengajar dan menyebarkan mazhab ini secara berterusan di atas manhaj yang telah ditinggalkan oleh beliau. Dikalangan mereka tidak terhad kepada belajar, mengajar dan menyebarkan mazhab bahkan turut ada yang secara tekun memperhalusi hukum-hakam, pandangan dan ijtihad ulama-ulama mazhab yang bersusur-galur dari generasi pengasas.

Di antara tokoh fuqaha mazhab tersebut ialah al-Im m al-R fi'ī dan al-Im m al-Nawawī yang disebut sebagai pemurni mazhab Sh fi'ī di peringkat pertama yang muncul setelah berlalunya 400 tahun semenjak diasaskan mazhab. Usaha dan kesungguhan kedua-dua imam ini sangat besar dalam memurnikan semula mazhab Sh fi'ī dengan mengumpulkan segala ijtihad dan fatwa yang ada serta melakukan *pentarjihān* yang signifikan. Dalam hal ini al-Im m al-Nawawī pernah berkata:

واعلم إن ب المذهب ا اختلاف
م وثوق بكون
ب المذهب المشهورة.
الأصحاب بحيث يحصل
و المذهب حتى

Maksudnya: “Ketahuilah bahawa kitab-kitab mazhab mengandungi perselisihan yang amat sengit dikalangan para *Ashāb*. Hal ini menyukarkan bagi seorang yang mencari hukum meyakini apa yang dinyatakan oleh pengarang adalah pandangan mazhab hingga memeriksa kebanyakan kitab-kitab mazhab yang masyhur.”¹

Dalam menyelesaikan kesukaran tersebut, muncul al-Im m al-R fi’ī dan al-Im m al-Nawawī dua tokoh penting dalam mazhab Sh fi’ī yang berstatus mujtahid fatwa² tampil memperhalusi mazhab dan membebaskannya dari segala kekusutan dan kesamaran hingga dapat diyakini bahawa apa yang mereka nyatakan merupakan pandangan muktamad. Justeru, sumbangan yang amat besar ini telah meletakkan mereka berdua sebagai rujukan utama dalam mazhab al-Im m al-Sh fi’ī.

Dalam melakukan usaha ini perbezaan pandangan dan pendapat adalah suatu perkara yang tidak dapat dielakkan. Terutama sekali apabila melibatkan proses penilaian terhadap dalil-dalil dan pandangan-pandangan yang memerlukan kepakaran dan kemahiran yang tinggi hingga pendapat yang dihasilkan boleh diperakui sebagai yang terbaik daripada sekian banyak pandangan yang ada. Perbezaan pandangan mungkin sahaja tercetus kerana faktor perbezaan kedudukan akademik dan ilmu, mungkin juga disebabkan oleh ketandusan dalil atau dalil tidak sampai ke pengetahuan mujtahid bahkan boleh juga dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan sebagainya.

Begitu juga halnya dengan al-Im m al-R fi’ī dan al-Im m al-Nawawī yang telah menyaksikan berlakunya pertembungan dan perselisihan antara mereka berdua dalam *mentarjih* dan mengeluarkan pandangan muktamad berdasarkan metodologi mazhab. Bertitik tolak dari latarbelakang ini, penulis mengusahakan sebuah kajian yang cuba

¹ Muḥyī al-Dīn Yahya bin Sharaf al-Nawawī (2001), *al-Majmū’ Sharḥ al-Muhadhdhab*, j. cet.1, Bayr t: D r Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 25.

² Al-Shaykh Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī (1994), *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma’rifah Ma’āni Alfāz al-Minhāj*, al-Shaykh ‘Aliy Muḥammad Mu’awwad (edi), cet. 1, j.1, Bayr t: D r al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 23.

melihat sejauhmana perbezaan dan perselisihan itu berlaku dan bagaimana metodologi mazhab mempengaruhi dan dipertahankan ketika proses *pentarjihān* dilakukan.

1.1 Permasalahan Kajian

Setelah kewafatan al-Imam al-Shafi'i pada tahun 205H, mazhab beliau telah berkembang melalui anak-anak muridnya yang ramai sama ada di Iraq mahupun di Mesir. Perkembangan mazhab ini sangat positif dan berjaya meraih sokongan hingga lahir ramai mujtahid mutlak dikalangan pengikut mazhab tersebut. Antaranya adalah seperti al-Shaykh Abū Ḥāmid al-Isfiriyyī³, al-Qaḍī Abū al-Ṭayyib al-Ṭabarī⁴, al-Imām al-Mawardi⁵, al-Bandanijī⁶, al-Maḥamili⁷, Salīm al-Razī⁸, al-Qaḍī Ḥusain⁹, al-Imām al-Juwaynī¹⁰ dan ramai lagi sama ada dari aliran *al-ʿIrqiyyīn* atau *al-Khurasaniyyīn*.¹¹

Kemudian muncul kelompok ketiga ulama mazhab Shafi'i yang tidak terikat dengan kedua-dua aliran tersebut, bahkan mereka berpegang dengan sebarang pendapat

³ Tokoh terkemuka pada zamannya tanpa diragui. Beliau termasuk dalam kalangan *Ashab*. Pengajian beliau dihadiri seramai lebih kurang 300 orang yang fakih. Dilahirkan pada tahun 344H dan meninggal dunia pada tahun 406H. [ʿAbd Raḥīm al-Asnawī (1987), *Ṭabaqāt al-Shafi'iyyah*, cet. 1, j. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, h. 39].

⁴ Ṭāhir bin ʿAbd Allāh bin Ṭāhir al-Ṭabarī. Shaykh Abū Ishāq menyifatkan beliau seorang yang sempurna ijtihad, sangat teliti menganalisa dan sangat tajam pandangan. Dilahirkan pada tahun 348H dan meninggal dunia pada tahun 450H. [ʿAbd Raḥīm al-Asnawī (2009), *al-Muḥimmāt Fī Sharḥ al-Rauḍah Wa al-Rāfiʿī*, cet. 1, j. 1, Bayrūt: Dār Ibn Ḥazm, h. 262].

⁵ Beliau seorang hakim yang sangat tepat penghakimannya. Telah berguru dengan Shaykh Abū Ḥāmid al-Isfiriyyī. Banyak menghasilkan karya-karya dalam pelbagai bidang seperti fiqh, tafsir, *usūl al-fiqh* dan *adāb*. Beliau banyak menukulkan *qawl-qawl* dalam mazhab. Meninggal dunia pada tahun 450H. [*Ibid.*, j. 1, h. 315].

⁶ Beliau adalah *Ashab* Shaykh Abū Ḥāmid yang paling terkemuka. Memiliki beberapa karya yang hebat seperti *al-Jāmiʿ* dan *al-Dhakhīrah*. Meninggal dunia pada tahun 425H. [*Ibid.*, j. 1, h. 167].

⁷ Shaykh Abū Ḥāmid mengiktiraf beliau orang yang lebih kuat hafalan dalam fiqh berbanding dirinya. Dilahirkan pada tahun 368H dan meninggal dunia pada tahun 415H. [*Ibid.*, j. 1, h. 311-312].

⁸ Beliau seorang yang fakih dan mahir dalam *usūl al-fiqh*. Guru beliau adalah Shaykh Abū Ḥāmid. Seorang yang warak, zuhud, kuat muhasabah diri dan sangat menjaga masa. Antara karya *fiqh* beliau *al-Furūʿ*. [*Ibid.*, j. 1, h. 216-217].

⁹ Beliau adalah imam yang mahir dalam menganalisis. Merupakan di antara *Ashab* al-Qaffāl yang terkemuka. Meninggal dunia pada tahun 462H. [*Ibid.*, j. 1, h. 198-199].

¹⁰ Beliau berguru dengan Shaykh al-Qaffāl hingga mahir dalam selok-belok mazhab dan *khilāf* mazhab. Beliau adalah tokoh dalam tafsir, fiqh dan *adāb*, sangat tekun dalam ibadah, warak dan tenang peribadi. Meninggal dunia pada tahun 438H. [*Ibid.*, j. 1, h. 189-190].

¹¹ Abū Zakariyyah Muḥyi al-Dīn bin Sharaf al-Nawawī (1996), *Taṣṣīḥ al-Tanbih*, Muḥammad ʿUqlah al-Ibrāhīm (ed), Bayrūt: Muassasah al-Risalah, h. 43.

yang hak. Di antaranya adalah al-R y nī¹², al-Sh shī¹³, Ibnu al-Ṣab gh¹⁴, Ab Ishāq al-Shir zi¹⁵, Im m al-Haramain¹⁶ dan al-Im m al-Ghaz li¹⁷. Aliran ketiga ini sampai kepada kemuncaknya di zaman dua imam iaitu al-R fi‘ī dan al-Nawawī.¹⁸

Ketokohan kedua-dua imam ini bukanlah sesuatu yang kebetulan bahkan telah disepakati oleh majoriti ulama mazhab selepas zaman al-Im m al-Nawawī, bahawa karya-karya *fiqh* yang dihasilkan oleh mereka adalah rujukan pentarjīhan atau pemurnian yang muktamad dalam mazhab Sh fi‘ī.¹⁹ Persoalan yang mungkin boleh ditimbulkan mengapa kedua-dua mereka memiliki kedudukan yang cukup istimewa dalam mazhab Sh fi‘ī berbanding para imam yang mendahului mereka berdua? Untuk menjawab persoalan ini ada baiknya dirujuk kepada jawapan yang diberikan oleh Tāj al-Dīn al-Subkī berikut:

لم ححرتم على العامي، ومن يفتي بالمنقول أن يتعدى ترجيح المتأخر، ومن
ثم قلتم ترجيح النووي على الفعي لتأخر النووي، وقد يقال بل
علم أولى والأقدم غالباً أعلم، فهلا نظرتم ترجيحات الشيخ أبي حامد
والفقال والقاضي أبي الطيب والشيخ أبي علي والقاضي حسين التي لم يخلق
الله تعالى بعدها أفقه نسا منها، ولا أقعد لمذهب الشافعي؟

¹² Beliau adalah pengarang kepada dua buah kitab *al-Jurjaniyyāt* dan *al-Baḥr*. Al-Im m al-Rāfi‘ī banyak menukulkan daripada beliau khususnya dalam permulaan bab nikah dan ulasan bab talak. [*Ibid.*, j. 1, h. 217].

¹³ Gelaran beliau adalah *Fakhr al-Islām*. Dilahirkan pada tahun 429H. Seorang yang sangat mempersonakan, penuh ketenangan, tawaduk dan warak. Kepimpinan mazhab beralih kepada beliau selepas kewafatan gurunya Abū Ishāq. Beliau meninggal dunia pada tahun 507H. [*Ibid.*, j. 1, h. 189-246].

¹⁴ Seorang yang pakar dalam *fiqh* kerana guru beliau adalah al-Qāḍī Abī Ṭayyib. Pandangan beliau lebih *ditarjīhan* berbanding pandangan al-Shaykh Abū Ishāq. Dilahirkan pada tahun 400H dan meninggal dunia pada tahun 477H. [*Ibid.*, j. 1, h. 255-256].

¹⁵ Beliau adalah *Shaykh al-Islām* dari sudut ilmu, amalan, warak, zuhud, penulisan, imlak, bilangan murid yang ramai dan usaha yang berterusan. Fatwa-fatwa beliau dinukilkan secara sangat meluas. Dilahirkan pada tahun 393H dan meninggal dunia 476H. [*Ibid.*, j. 1, h. 245-246].

¹⁶ Beliau anak kepada al-Im m al-Juwaynī. Seorang tokoh terkemuka yang dikagumi dizamannya. Dilahirkan pada 417H dan meninggal dunia pada 478H. [*Ibid.*, j. 1, h. 199-200].

¹⁷ Beliau adalah *Hujjah al-Islām* tokoh dalam pelbagai cabang ilmu serta penulisan. Antara karya popular beliau adalah *al-Wasīṭ* dan *al-Mustaṣfā*. Dilahirkan pada tahun 450H dan meninggal dunia pada tahun 505H. [*Ibid.*, j. 1, h. 276-278].

¹⁸ Al-Nawawī (1996), *op.cit.*, h. 43.

¹⁹ Akram Yusuf ‘Umar al-Qaw simī (2003), *al-Madkhal Il al-Madhhab al-Sh fi‘ī*, Jordan: D r al-Naf es, h. 521-522.

قلت: اعلم أن المتقدمين لم يكن شوقهم إلى الترجيح في الخلاف، ولا اعتنوا ببيان الصحيح، وسبب ذلك أن العلم كان كثيرا، وكان كل عند الفتيا يفتي بما يؤدي إليه نظره، وقد يؤدي نظره اليوم إلى خلاف ما أدى إليه أمس، فما كان الأمر عنده مستقرا على شيء لتضاد ثم ما كان المون يلتفون إلى تصحيحاتهم، بل يشتغلون عن الترجيح بذكر المآخذ، وفتح أبواب الاستنباط والمباحث من غير اعتناء. الأرجح، إنما كل ينظر لنفسه. فلما قل العلم، وأشرف على التبدد واحتيج إلى ضرب من التقليد، وأن الفقيه يتبع من هو أفقه منه، وإن تشارك في أصل النظر اعتنى بالراجح.

Maksudnya: “Kenapa kalian melarang orang awam dan sesiapa yang berfatwa berpandu dalil naqli untuk melampaui *pentarjihān* orang yang terkemudian? Justeru itu kalian mengatakan: Kami akan mendahulukan *pentarjihān* al-Nawawī keatas *pentarjihān* al-Rāfi‘ī kerana beliau datang terkemudian. Kadang-kadang dikatakan juga: Bahkan yang lebih berilmu itu lebih utama dan orang yang terdahulu biasanya lebih berilmu. Apakah kalian tidak melihat *pentarjihān* al-Shaykh Abī Ḥāmid, al-Qaffāl, Qāḍī Abī al-Ṭayyib, Shaykh Abī ‘Aliy Dan Qāḍī al-Ḥusain yang tiada lagi diciptakan Allah Taala sesudah mereka seseorang yang lebih fakih dan yang lebih layak untuk mazhab al-Shāfi‘i?”

Saya menjawab: Ketahuilah bahawa mereka yang terdahulu tidaklah berminat kepada aktiviti *tarjih* dalam perkara-perkara *khilāf* dan tidak juga mengambil berat untuk menjelaskan yang sah. Ini disebabkan kerana ilmu pada masa itu sangat banyak dan setiap orang apabila berfatwa akan mengikut pandangannya. Kadang-kadang pandangan hari ini akan berbeza dengan apa yang telah dinyatakan semalam. Kedudukan hukum pada mereka tidak tetap disebabkan penguasaan ilmu yang mereka miliki. Oleh yang demikian para pengarang tidak merujuk kepada pembetulan-pembetulan yang telah mereka lakukan. Bahkan para pengarang berpaling daripada melakukan *tarjih* dengan hanya menyatakan kesilapan-kesilapan yang ada. Ruang *istinbāt* dan kajian yang telah dibuka menyebabkan masing-masing hanya melihat apa yang ada pada dirinya tanpa mengambil berat dengan pendapat yang lebih *rajiḥ*. Maka apabila ilmu menjadi kurang, perpecahan hampir berlaku hingga perlu kepada suatu bentuk taklid, yang fakih pula mengikuti seseorang yang lebih fakih daripada dirinya walaupun mereka berkongsi suatu pandangan dari teori yang sama, disaat itu fakih tersebut akan mengutamakan pandangan yang lebih *rājiḥ*.²⁰

²⁰ Al-Nawawī (1996), *op.cit.*, h. 45.

Menurut Tāj al-Dīn al-Subkī para ulama pada waktu tersebut tidak menitikberatkan soal pentarjihān dengan begitu serius. Walaupun ada penulisan yang berkaitan dengan *fiqh* akan tetapi pentarjihān bukanlah keutamaan mereka. Bahkan menurut beliau ruang kepada pentarjihān itu tidak sampai sepuluh peratus hinggalah munculnya kitab al-Rāfi‘ī dan ditambah kemudiannya oleh al-Nawawī.²¹ Ini kerana zaman sebelum mereka, mazhab Shafi‘ī telah dibanjiri oleh ramai para mujtahid yang mewarisi era kegemilangan *fiqh* Islam yang bermula dari awal kurun kedua hingga pertengahan kurun keempat hijrah.²² Menurut al-Qalyūbī dalam *hāshiyah* beliau kepada kitab *Kanz al-Rāghibīm* bahawa al-Imām al-Rāfi‘ī adalah orang pertama yang melakukan pentarjihān satu pendapat daripada perselisihan-perselisihan yang banyak dan selanjutnya beliau disusuli oleh al-Imām al-Nawawī yang melakukan beberapa penambahan.²³

Inilah latarbelakang yang menggerakkan aktiviti pentarjihān bermula dengan lebih giat di zaman kedua-dua iman tersebut. Oleh sebab itu, usaha mereka yang gigih dalam bidang ini telah menyebabkan pandangan-pandangan mereka sangat berautoriti dalam mengesahkan sesuatu hukum. Ini boleh difahami seperti berikut:

قد أطبق المحققون في المذهب الشافعي على أن الكتب المتقدمة على الشيخين
 (الرافعي والنووي) لا يعتد بشيء منها، إلا بعد البحث والتمحيص
 والتدقيق، حتى يغلب على الظن أنه راجح في المذهب الشافعي. هذا في
 حكم لم يتعرض له الشيخان أو أحدهما.

Maksudnya: Para pengkaji dalam mazhab ‘āl-Shāfi‘ī telah menetapkan bahawa kitab-kitab yang terdahulu sebelum zaman dua orang shaykh (al-Rāfi‘ī dan al-Nawawī) tidak diambil kira sedikit pun daripadanya, kecuali setelah dikaji, diselidiki dan disemak hingga yakin bahawa ia adalah pandangan yang *rājiḥ* dalam mazhab al-Shāfi‘ī. Ini adalah dalam hukum yang tidak

²¹ *Ibid.*, h. 45-46.

²² *Ibid.*

²³ Jalāl al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Maḥallī (2009), *Hāshiyatā al-Qalyūbī Wa ‘Umayrah ‘Alā Kanz al-Rāghibīm*, j. 1, cet. 5, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 15.

disentuh oleh kedua-dua orang Shaykh atau salah seorang daripada mereka.²⁴

Manakala dari sudut prioriti *pentarjīhan* antara keduanya maka adalah seperti berikut:

فإن تعرض له (حكيم) الشيخان، فالمعتمد ما اتفقا عليه. فإن اختلفا ولم يوجد لهما المرجح، فالمعتمد قول النووي.

Maksudnya: Sekiranya kedua-dua mereka ada menyentuh hukum yang dimaksudnya maka pandangan yang muktamad adalah apa yang disepakati oleh mereka berdua. Sekiranya mereka berselisih dan tiada pandangan yang *ditarjīhan* mereka, atau masing-masing melakukan *pentarjīhan*, maka yang muktamad adalah pandangan al-Nawawī.²⁵


Walaupun al-Imām al-Nawawī tidak hidup sezaman dengan al-Imām al-Rāfi‘ī tetapi mereka berdua masih bertemu melalui sanad perguruan. Al-Imām al-Nawawī berguru dengan al-Kamāl Sallār yang mengambil dari al-Imām Muḥammad empunya kitab *al-Shāmil al-Ṣaghīr* yang berguru pula dengan al-Shaykh ‘Abd al-Ghaffār al-Qazwīnī empunya kitab *al-Hāwī al-Ṣaghīr* yang menuntut pula dengan al-Imām al-Rāfi‘ī. Sementara sanad al-Imām al-Rāfi‘ī pula bermula dengan Muḥammad Abī al-Faḍl kepada Muḥammad bin Yaḥyā kepada al-Imām al-Ghazālī, kepada al-Imām al-Ḥaramain kepada al-Imām al-Juwaynī kepada Abī Bakr al-Qaffāl al-Marūzī kepada Abī Zaid al-Marūzī kepada Ibn Suraij kepada Abī Sa‘īd al-Anmāṭī kepada al-Muzanī²⁶ dan sampai kepada al-Imām al-Shāfi‘ī *raḥimahumullāhu*.²⁷

²⁴ Ab al-Qāsim ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad al-Qazwīnī al-Rāfi‘ī (1997), ‘*Azīz Sharh al-Wajīz*, al-Shaykh ‘Aliy Muḥammad Mu‘awwad (ed), j. *al-Muqaddimah*, cet. 1, Bayr t: D r al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 85-86.

²⁵ *Ibid.*, h. 86.

²⁶ Beliau salah seorang *Ashab* al-Imām al-Shāfi‘ī yang berstatus imam. Periwat mazhab Shāfi‘ī yang baru. Seorang yang warak lagi zuhud. Antara karya penting beliau dalam *fiqh* adalah kitab *Mukhtaṣar al-Muzanī*. Dilahirkan pada 175H dan meninggal dunia pada tahun 264H. [‘Abd Rahim al-Isnawi (1987), *op.cit.*, h. 28.]

²⁷ Al-Rāfi‘ī (1997), *op.cit.*, h. 85-86.



Rajah 1.1: Susur Galur Salasilah Perguruan al-Imām al-Rāfi'ī dan al-Imām al-Nawawī²⁸

²⁸ *Ibid.*

Keperluan kepada *tarjih* ini tercetus kerana kepelbagaian pendapat dalam mazhab Sh fi'i yang merupakan hasil ijihad para mujtahid mazhab selepas kewafatan al-Im m al-Sh fi'i. Bahkan adalah sesuatu yang sukar untuk diperakui suatu pendapat itu adalah pendapat al-Sh fi'i kecuali sekiranya dinaskan oleh beliau sendiri atau dikeluarkan berdasarkan *uṣ l* mazhabnya.²⁹ Menurut al-Khaṭīb al-Sharbīnī, pemindahan mazhab dari aspek riwayat boleh *ditarjih* mengikut kuantiti.³⁰ Menurut Ibn al-‘Aṭṭār dalam hal ini hendaklah dirujuk kepada pandangan majoriti sekiranya tiada dalil yang jelas menyalahinya. Ini kerana pada kebiasaan kesilapan lebih hampir kepada pandangan yang sedikit dukungannya.³¹ Perkara ini adalah sesuatu yang sukar untuk dicapai kecuali setelah dirujuk kitab-kitab para ulama yang boleh diyakini nukilan³², *pentarjih*³³, penulisan dan *pentakhrīj*³⁴ mereka. Sebagaimana yang diketahui bahawa para fuqaha mazhab Sh fi'i telah banyak menulis dengan metodologi yang pelbagai dan telah berlaku perselisihan yang ketara dikalangan mereka sehingga menyebabkan penulisan mereka kurang dipercayai jika tidak dirujuk kepada beberapa karya popular lain.³⁵

Bahkan rujukan kepada sebahagian besar karya yang menjurus kepada satu pandangan belum tentu menjadikan pendapat tersebut mewakili pendapat yang tepat selari dengan *uṣ l* mazhab.³⁶ Oleh sebab inilah proses pemurnian semula mazhab

²⁹ Shih b al-Dīn Ibn Hajar al-Makkī al-Haitamī (T.T), *al-Fat w al-Kubr al-Fiqhiyyah*, j. 3, Bayr t: Muassasah al-T rikh al-‘Arabi, h. 300.

³⁰ Al-Khaṭīb al-Sharbīnī (1994), *op.cit.*, j.1, h. 102.

³¹ *Ibid.*, h. 102-103.

³² Bermaksud proses periwatan mazhab.

³³ Bermaksud proses menganalisis dua pandangan atau lebih hingga dikeluarkan pandangan yang paling tepat.

³⁴ Bermaksud proses mengeluarkan fatwa berdasarkan *uṣūl* yang digariskan oleh imam mazhab.

³⁵ Al-Nawawī (1996), *op.cit.*, h. 42.

³⁶ Ab Zakariy Muḥyi al-Dīn bin Sharaf, al- Nawawī (t.t), *al-Majmū Sharḥ al-Muhadhdhab*, j. 1, Al-Q hirah: Maṭba’ah al-‘Aṣimah, h. 12.

berlandaskan *uṣ l* mazhab yang sebenar amat perlu untuk mengetahui pendapat yang muktamad dalam mazhab.³⁷

Faktor kedua yang menuntut kepada pemurnian mazhab adalah apabila dunia Islam mula diselubungi dengan gejala taklid buta dan dukungan melampau (*aṣ biyyah*) terhadap mazhab. Ini telah menyebabkan para ulama di zaman itu lebih selesa dan cenderung untuk melaksanakan proses pemurnian mazhab untuk menyaring *qawl*, fatwa dan ijihad yang ada selari dengan *uṣ l* mazhab yang asal.³⁸ Hal ini berlaku dalam keseluruhan mazhab tidak terkecuali dalam mazhab Sh fi'ī. Usaha ini sudah tentu tidak mampu dilakukan tanpa ada pengemblengan tenaga yang maksimum disamping keupayaan intelek yang tinggi demi memastikan hasrat pemurnian itu berlaku dalam bentuk yang sewajarnya dan menyeluruh.

Dalam suasana beginilah munculnya al-Im m al-R fi'ī menggerakkan aktiviti *pentarjīhan* atau pemurniaan mazhab secara besar-besaran sekaligus membuka ruang kepada al-Im m al-Nawawī untuk meneruskan lagi usaha penambahbaikan terhadap hasil pemurnian yang telah didahului oleh al-Im m al-R fi'ī. Dr. Muḥammad 'Uqlah Ibrāhīm dalam mukadimah beliau kepada kitab *Taṣḥīḥ al-Tanbīḥ* menyatakan bahawa usaha kedua-dua imam ini bukanlah sesuatu yang kebetulan bahkan merupakan kesan langsung kepada kecenderungan mereka kepada aktiviti *pentarjīhan* mengatasi minat mereka dalam mendalami ilmu *fiqh* dan aktiviti *takhrīj*. Ini semua kerana matlamat mereka adalah untuk memandu manusia dan menyatakan sesuatu yang sesuai dengan masa dan ketika.³⁹

³⁷ Al-Nawawī (1996), *op.cit.*

³⁸ Akram Yusuf 'Umar al-Qaw simī (2003), h. 374-375.

³⁹ Al-Nawawī (1996), *op.cit.*, h. 46.

Ketika *mentarjīhkan* pendapat-pendapat mazhab yang pelbagai ini, sudah pasti metodologi merupakan sesuatu yang amat mustahak. Hasil penggunaan metodologi yang berbeza akan menyebabkan hukum yang dicapai juga berbeza. Tidak terkecuali dalam proses *pentarjīhan* mazhab di antara al-Im m al-R fi'ī dan al-Im m al-Nawawī juga terdapat perbezaan hukum. Hal ini telah dijelaskan sendiri oleh al-Im m al-Nawawī dalam mukadimah kitab *Minh j al-T libn̄* seperti berikut: "...dan antaranya dalam beberapa perkara yang disebut oleh al-Im m al-R fi'ī dalam kitab *Muḥarrar* yang bertentangan dengan pendapat yang terpilih dalam mazhab sebagaimana yang anda akan lihat secara jelas dengan izin Allah."⁴⁰ Persoalan yang timbul disini terfokus kepada bagaimana metodologi *pentarjīhan* yang diaplikasikan hingga membawa kepada perbezaan pendapat?

Dalam menjelaskan persoalan ini penulis memberi fokus kepada masalah-masalah yang diperselisihkan antara kedua-dua tokoh pemurni mazhab al-Im m al-R fi'ī dan al-Im m al-Nawawī sekaligus melihat pendapat yang *r jih* berdasarkan kepada *uṣ l* mazhab yang telah digariskan oleh al-Im m al-Sh fi'ī.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi perselisihan antara al-Im m al-R fi'ī dan al-Im m al-Nawawī hingga menghasilkan hukum yang berbeza-beza.
2. Menghurai aplikasi metodologi hukum mazhab Shāfi'ī oleh al-Im m al-R fi'ī dan al-Im m al-Nawawī dalam masalah-masalah yang diperselisihkan antara mereka berdua khususnya dalam bab ibadah.

⁴⁰ Ab Zakariy Muḥyī al-Dīn bin Sharaf al-Nawawī (1996), *Minh j al-T libn̄*, cet. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 2.

3. Menganalisis hujah-hujah *pentarjihān* al-Im m al-R fi'ī dan al-Im m al-Nawawī dalam mendukung pandangan masing-masing.

1.3 Signifikan Kajian

Kajian ini amat signifikan untuk melihat impak yang berlaku keatas mazhab Sh fi'ī hasil daripada sumbangan kedua-dua tokoh besar ini.

Di samping itu, kajian ini juga penting untuk melihat sejauhmana kreativiti para fuqaha dalam mengemukakan hujah serta kebijaksanaan mereka dalam melakukan *pentarjihān*.

Selain itu juga ia penting untuk melihat kembali kebijaksanaan para ulama *uṣ l* ketika merangka metodologi hukum sehingga diiktiraf dan mampu bertahan hingga ke hari ini. Ini sekaligus akan memberi jawapan kepada mereka yang mengajak untuk berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah semata-mata sekaligus menyisihkan metodologi yang tidak ternilai harganya.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini hanya tertumpu kepada bab ibadah. Walaupun bab ibadah merangkumi hukum-hakam bersuci, solat, puasa, zakat dan haji tetapi penulis hanya akan menumpukan kajian kepada bahagian bersuci (*ṭah rah*) sahaja sebagai sampel kajian. Pemilihan bab ini adalah berdasarkan keutamaan dan kepentingannya yang sentiasa menjadi bab utama dalam penulisan kitab-kitab *fiqh*.

Para fuqaha yang mengkaji mazhab Shafi'i mendapati ada 50 puluh masalah yang diperselisihkan antara kedua-dua imam al-Rafi'i dan al-Nawawi.⁴¹ Walau bagaimanapun kajian ini hanya mengemukakan lapan masalah sahaja daripadanya.

Penulis menumpukan kepada metodologi *pentarjihan* sebagai subjek kajian kerana ianya memberikan gambaran yang jelas bagaimana teori-teori ilmu *uṣūl al-fiqh* diaplikasikan. Di samping itu dapat menilai kekuatan hujah yang digunakan dalam menjustifikasikan sesuatu hukum.

1.5 Definisi Tajuk

Perkataan *khilaf* berasal daripada perkataan Arab *khalafa* () yang bermaksud perbalahan atau perselisihan.⁴² Perkataan lain yang sinonim dengan *khilaf* dalam bahasa Arab ialah *al-muḍāḍah* (المضادة)⁴³ daripada kalimah *ḍadada* (ضدد) yang bermaksud berlawanan atau bertentangan.⁴⁴ Dalam bahasa Melayu juga terdapat perkataan *khilaf* yang diertikan sebagai salah (kerana kecuaiian, kurang teliti, kurang pengalaman dan lain-lain), atau silap.⁴⁵ Tetapi maksud tersebut tidak menggambarkan secara tepat dalam konteks tajuk kajian ini.

⁴¹ Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-'Abbās Aḥmad al-Ramli (1938), *Nihayah al-Muḥtāj Il Sharḥ al-Minhaj, Wa Ma'ah Hāshiyah Abī al-Diyā' Nūr al-Dīn 'Alī bin 'Alī al-Sibr mīlī al-Qāhirī*, j. 1, Mesir: Syarikah Maktabah Wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bī al-Ḥalabī Wa Awlāduh, h. 38, dan Shihab al-Dīn Ibn Ḥajar al-Haitamī (2001), *Tuḥfah al-Muḥtāj Bi Sharḥ al-Minhaj*, j. 1, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 21.

⁴² Husin bin Unang (1994), *Qāmūs al-Fullāḥ*, cet. 1, Kuala Lumpur: Dar al-Fikr, h. 473.

⁴³ Jamāl al-Dīn Muḥammad b. Mukram Ibn Manẓūr (t.t.), *Lisān al-'Arab*, j. 9, cet. 1, Bayrut: Dar al-Fikr, h. 9.

⁴⁴ Husin bin Unang (1994), *op.cit.*, h. 938.

⁴⁵ Noresah bt Baharom (ed) (2005), *Kamus Dewan*, edisi 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 783.

Apa yang penulis kehendaki maksudnya ialah menurut istilah ilmu *uṣ l al-fiqh*, iaitu pertikaian yang berlaku di antara dua orang atau lebih yang saling bertentangan untuk mencapai kebenaran atau menolak kepalsuan.⁴⁶

Sementara perkataan ibadah yang juga berasal daripada perkataan Arab *'ib dah* (عبادة) bermaksud perbuatan seorang *mukallaf* yang bertentangan dengan hawa nafsunya bertujuan mengagungkan tuhannya.⁴⁷ Ibadah dalam kajian ini adalah bahagian *fiqh* yang berkaitan dengan hukum-hakam bersuci, solat, puasa, zakat dan haji.⁴⁸

Perkataan metodologi pula berasal daripada bahasa Inggeris, *methodology* yang bermaksud peringkat kaedah yang digunakan (dalam membuat sesuatu).⁴⁹ Kamus Dewan mengertikannya sebagai sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.⁵⁰ Dalam bahasa Arab metodologi disebut sebagai *manhāj* (مَنْهَاج) atau *minhāj* (مِنْهَاج) *tarīqah* () dan *niz m* (نظام).⁵¹

Sementara kalimah *tarjīh* adalah perkataan bahasa Arab dengan akar kata *rajjaḥa* (رَجَّحَ), *yurajjiḥu* (يُرَجِّحُ), *tarjīḥan* (تَرْجِيحًا)⁵² yang memberi tiga pengertian yang berbeza-beza. Apabila kalimah *rajjaḥa* disandarkan dengan

⁴⁶ Ab al-Ḥasan 'Aliy bin Muḥammad bin 'Aliy al-Ḥusainī al-Jurj ni al-Ḥanafī (2000) *al-Ta'rīf t*, cet. 1, Bayr t: D r al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.105, dan

Quṭb Mūṣṭaf S n (2002), *Mu'jam Muṣṭalah t Uṣ l al-Fiqh*, cet. 1, Bayr t: D r al-Fikr, h. 198.

⁴⁷ Al-Jurj ni (2000), *op.cit.*, h. 149.

⁴⁸ Muṣṭaf Khin (2000), *al-Fiqh al-Minḥajī 'Al Mazhab al-Im m al-Sh fi'ī*, Damsyik: D r al-Qalam, h. 12.

⁴⁹ Asmah Haji Omar (ed) (2001), *op.ci.t*, h. 1152.

⁵⁰ Noresah bt Baharom (2005), *op.cit.*, h. 1030.

⁵¹ Munir B lbakī (1994), *al-Mawrid Qāmūs Inkilizī-'Arabī* cet. 28, Bayr t: D r al-'Ilm Li al-Malayin, h. 575.

⁵² Al-Khalīl al-Nahwī (1991), *al-Mu'jam al-'Arabī al-Muyassar*, Tunisia: al-Munazzamah al-'Arabiyyah Li al-Tarbiyyah Wa al-Thaqāfah Wa al-'Ulum, h. 194.

sesuatu ia memberi maksud menyetatkan.⁵³ Sekiranya ditambah kalimah *rajjahā* dengan *ḍamīr ha* yang berbaris *ḍammah* (———) akan berbunyi *yurajjihuhu* (رَجَّحْتُهُ) ia membawa dua pengertian. Pertama, bermaksud menguatkan atau memberi kemenangan kepada yang lain.⁵⁴ Manakala maksud kedua pula adalah mengerak-gerakkan secara berturut-turut.⁵⁵

Dalam *Mu jam Mukhta sar al-Ṣaḥḥ h, tarjīḥ* ditakrifkan sebagai memberi.⁵⁶ Sementara Ibn Manẓ ū r mentakrifkan dengan mengungkapkan ayat berikut: *ورجَّحتُ ترجيحاً إذا أعطيتُهُ راجحاً* yang memberi maksud, “*dan aku telah lebihkan dia apabila aku berikan dia sesuatu yang lebih besar.*”⁵⁷

Manakala pengertian menurut kamus bahasa moden pula dinyatakan sebagai memilih sesuatu dan memperkuatkannya.⁵⁸

Takrifan dari sudut istilah ilmu *uṣūl al-fiqh* pula menjelaskan *tarjīḥ* sebagai suatu proses mendahulukan salah satu daripada dua dalil yang saling bertentangan, kerana kelebihan yang ada padanya menjadikannya lebih utama untuk beramal berbanding dalil yang sebaliknya.⁵⁹

⁵³ Husin bin Unang (1994), *Qāmūs al-Ṭull ā b*, cet. 1, Kuala Lumpur: Dār al-Fikr, h. 520.

⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ Al-Shaykh Zain al-Dīn Muḥammad bin Abī Bakr bin ‘Abd al-Qādir al-Rāzī (2005), *Mukhtaṣār al-Ṣaḥḥāḥ*, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h. 123.

⁵⁷ Ibn Manẓ ū r (t.t), *Lisān al-‘Arab*, Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, cet. 3, j. 5, h.142.

⁵⁸ Qutb Muṣṭaf ā S n (2002), *op.cit.*, h. 130.

⁵⁹ *Ibid.*, h. 130.

Takrif *tarjih* ini akan diulang dengan beberapa penambahan dalam bab tiga.⁶⁰

1.6 Kajian Literatur

Tidak dinafikan bahawa ramai dikalangan pengkaji dan penyelidik tekun mengkaji karya-karya yang ditinggalkan oleh para ulama mazhab Shafi'i khususnya karya-karya pemurnian mazhab yang dipelopori oleh al-Imam al-Nawawi. Sambutan yang hangat terhadap karya beliau kerana begitu banyak faedah dan manfaat yang ada di dalamnya mencakupi segenap cabang ilmu. Sungguhpun demikian, penghasilan kajian-kajian berbahasa Melayu yang khusus menjurus kepada analisis *fiqh* dan *usul* tidak begitu meluas dihasilkan.

Antara rujukan penting penulis dalam mendapatkan gambaran umum tentang kajian yang akan dilaksanakan adalah sebuah artikel yang ditulis oleh Dr. Mohd Daud Bakar yang bertajuk "Teori dan Amalan *Tarjih* Dalam Mazhab Shafi'i."⁶¹ Penulisan ini juga sangat signifikan untuk melihat kaedah pemurnian atau *pentarjihan* mazhab yang digunakan oleh al-Imam al-Shafi'i sendiri dan seterusnya dizaman perkembangan mazhab selepas kewafatan beliau sehinggalah kepada *pentarjihan* dizaman-zaman yang berikutnya.

Tema yang diangkat dalam kajian ini menjurus kepada metodologi *pentarjihan*. Antara yang disentuh adalah kaedah *pentarjihan* yang digunakan oleh al-Imam al-Shafi'i yang berpandukan kepada kuantiti. Dalam kitab-kitab *usul al-fiqh* kaedah ini disebut sebagai *al-tarjih bi al-kathrah*. Kaedah ini digunakan ketika *mentarjihkan* antara hadis-hadis dimana hadis yang lebih banyak bilangannya diutamakan berbanding

⁶⁰ Rujuk Bab Tiga, h. 62-64, (3.2).

⁶¹ Mohd Daud Bakar (1995), "Teori dan Amalan *Tarjih* Dalam Mazhab Shafi'i", *Jurnal Syariah*, Jil. 3 Bil. 2, Julai 1995.

yang sebaliknya. Begitu juga pendekatan beliau ketika mentarjīḥkan *qiyās*, apabila ia mempunyai banyak persamaan dengan hukum asal maka ianya didahulukan berbanding yang kurang. Turut disentuh adalah kaedah pentarjīḥan berpandukan kepada kualiti dalil yang lebih difokuskan kepada kualiti sunnah.

Artikel ini turut membuat sorotan kepada kaedah-kaedah pentarjīḥan sesudah era al-Im m al-Shāfi‘ī dengan meninjau cara-cara pengikut beliau mentarjīḥkan *qawl-qawl* yang ada. Juga merangkumi pentarjīḥan *aṣḥāb al-wujūh* membawa kepada metodologi zaman pemurnian mazhab oleh dua imam al-Rāfi‘ī dan al-Nawawī hinggalah kepada mereka yang terkemudian seperti Shaykh al-Islām Zakariyā al-Anṣārī, Khaṭīb al-Sharbīnī, Shams al-Dīn al-Ramlī dan Ibn Ḥajar al-Haitamī. Antara dapatan penting artikel tersebut adalah seperti berikut:

- i- Kaedah pentarjīḥan al-Im m al-Shāfi‘ī bukan sahaja berhadapan dengan penghujahan dalam mazhab-mazhab lain tetapi juga kaedah pentarjīḥan dalam mazhab Shāfi‘ī sendiri dalam peringkat-peringkat zaman tertentu.
- ii- *Ikhtilāf* dan perbezaan pandangan tidak boleh dirujukkan kepada *fiqh* tetapi mesti kepada *uṣūl al-fiqh* kerana di situlah berpuncanya *ikhtilāf* ataupun persamaan hukum-hukum *fiqh*.
- iii- Perbezaan pandangan dan penghujahan bukanlah satu yang tidak elok sebaliknya ianya akan lebih menyuburkan perundangan Islam itu sendiri.
- iv- Sama ada kita bersetuju atau tidak dengan pandangan dan fatwa imam-imam terdahulu, banyak pandangan yang dikemukakan oleh mereka masih mempunyai kepentingan dan kesesuaiannya sehingga hari ini.

Penulis juga merujuk kepada sebuah kertas kerja yang bertajuk ‘Antara al-Sh fi‘ī dan *al-Sh fi‘iyyah* : Mazhab Sh fi‘ī atau Nawawī’ oleh Amir Fazlim Yusoff.⁶² Kertas kerja ini mengupas tentang *pentarjihān* yang berlaku dalam mazhab Sh fi‘ī selepas era al-Im m al-Sh fi‘ī.

Antara dapatan signifikan kertas kerja tersebut adalah seperti berikut:

- i- Mazhab menurut penulisan al-Nawawī bukan 100% mazhab al-Shāfi‘ī dari sudut *furū*’ kerana ia mengandungi pendapat beliau sendiri, pendapat para *Ashāb* dan pendapat *qadīm* yang tidak diiktiraf oleh al-Shāfi‘ī sendiri. Justeru pendapat al-Shāfi‘ī tidak semestinya pendapat *al-Shāfi‘iyyah*.
- ii- Sesiapa yang berpegang pada metode al-Shāfi‘ī dikira mazhab al-Shāfi‘ī dari sudut *uṣūl* walaupun bukan dari sudut *furū*’.

Dr. Abdul Hayei Abd. Sukor dalam kertas kerja beliau yang bertajuk “Metodologi Imam al-Nawawī Di Dalam Kitabnya *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*,” telah mencatatkan kesimpulan seperti berikut:

Menarik hukum dan membina kaedah berpandukan hadis-hadis yang *ṣaḥīḥ* merupakan objektif kemuncak dari pembelajaran hadis. Imam al-Nawawī adalah dikira seorang tokoh istimewa dibidang ini, kerana beliau seorang ahli hadis yang mendalam ilmu *fiqh*. Kitab-kitabnya di dalam ilmu *fiqh* dan *sharḥ-sharḥ* hadis membuktikan kenyataan ini.⁶³

Sebuah lagi karya penting penulis dalam mendapatkan kefahaman umum perkembangan mazhab al-Im m al-Shāfi‘ī adalah merujuk kepada sebuah buku yang

⁶² Kertas kerja ini telah dibentangkan di Seminar Hukum Islam Semasa V di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 22-23 Ogos 2007.

⁶³ Dr. Abdul Hayei b. Abdul Sukor (1990), “Metodologi Imam al-Nawawī Di Dalam Kitabnya *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*” (Kertas kerja Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan Ke 3, anjuran: Bhg. Hal Ehwal Islam, Jab. Perdana Menteri K.L dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam, UM, 18-20 Disember 1990), h. 15.

bertajuk *al-Madkhal il al-Madhab al-Sh fi'ī* ditulis oleh Dr. Akram Yūsuf al-Qawāsīmī.⁶⁴

Buku tersebut memaparkan evolusi mazhab Sh fi'ī bermula dari kelahiran pengasas mazhab hinggalah kepada kemunculan dan perkembangan mazhab disamping menyenaraikan tokoh-tokoh yang mendukung mazhab dalam setiap zaman serta peranan yang telah dimainkan oleh mereka. Turut disenaraikan judul kitab-kitab penting mazhab sama ada yang berkaitan dengan *fiqh* mahupun *uṣ l* sejak zaman al-Im m al-Sh fi'ī hinggalah yang muktahir ketika penyelidikan tersebut disiapkan.

Antara kajian yang menjurus kepada pemikiran hukum adalah sebuah disertasi peringkat sarjana bertajuk 'Perpindahan Hakmilik Dari Perspektif Ekonomi Islam Menurut al-Imām al-Nawawī'.⁶⁵ Dapatan kajian ini antara lain menonjolkan ketinggian sahsiah al-Imām al-Nawawī dan ketekunan beliau menuntut ilmu dengan menghadiri dua belas pengajian sehari hingga beliau benar-benar menguasai segenap cabang ilmu pengajian Islam tanpa ada pengecualian.⁶⁶

Selain itu kajian tersebut juga menegaskan bahawa hasil karya al-Im m al-Nawawī masih relevan dengan perkembangan perpindahan hakmilik semasa. Kesemua 22 tajuk berkaitan pemilikan harta yang dinyatakan masih diguna pakai pada hari ini sama ada di bahagian korporat, perbankan dan individu.⁶⁷

⁶⁴ Buku ini adalah sebuah tesis yang dikemukakan di Fakulti Syariah, Universiti Jordan pada tahun 2002.

⁶⁵ Md Aleh Solihin Ahmad Sidiki (2009), disertasi sarjana dikemukakan di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

⁶⁶ Md Aleh Solihin Ahmad Sidiki (2009), Perpindahan Hakmilik Dari Perspektif Ekonomi Islam Menurut Al-Im m al-Nawawī, h. 153.

⁶⁷ *Ibid.*,

Kajian literatur ini tidak lengkap tanpa merujuk kepada karya-karya *turāth fiqh* khususnya dalam mazhab Shāfi‘ī terutamanya yang berkaitan dengan karya-karya peringkat pemurnian mazhab yang diwakili oleh penulisan al-Imām al-Rāfi‘ī dan al-Imām al-Nawawī.

Untuk mengenal pasti masalah-masalah *khilāf* di antara al-Imām al-Rāfi‘ī dan al-Imām al-Nawawī penulis telah melakukan rujukan kepada dua buah kitab terpenting yang mewakili penulisan pemurnian awal mazhab di dalam mazhab Shāfi‘ī. Pertama adalah kitab *al-Muḥarrar*⁶⁸ yang dikarang oleh al-Imām al-Rāfi‘ī huraian kepada al-Wajīz karya al-Imām al-Ghazālī. Kitab ini mewakili pendapat-pendapat yang kuat (*mu’tamad*) dalam mazhab mengikut pentarjīhan al-Imām al-Rāfi‘ī.⁶⁹ Kitab kedua pula ialah *Minh j al-Ṭ libm*⁷⁰ yang merupakan ringkasan daripada kitab *al-Muḥarrar* karangan al-Imām al-Nawawī. Kitab ini adalah sangat penting untuk mengetahui *khilāf* di antara kedua-dua imam tersebut disamping beberapa penambahan yang dibuat oleh al-Imām al-Nawawī. Walaupun kitab *Minh j al-Ṭ libm* bukan karya akhir al-Imām al-Nawawī tetapi keutamaannya dalam mazhab mengatasi kitab-kitab lain menepati namanya sebagai *‘umda al-muftin* (sandaran para mufti). Sebagai bukti, kitab ini telah mendapat sambutan yang luar biasa daripada ulama-ulama mazhab yang menghuraikannya secara berterusan dari satu generasi kepada generasi yang lain sehingga terdapat tidak kurang daripada 30 huraian atau *sharḥ* yang telah dihasilkan berpandukan kitab tersebut.⁷¹

⁶⁸ Abū al-Qāsim ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad al-Qazwīnī al-Rāfi‘ī (2005), *al-Muḥarrar*, cet. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

⁶⁹ Akram Yusuf ‘Umar al-Qawsimī (2003), *op.cit.*, h. 377.

⁷⁰ Muḥyī al-Dīn Yaḥyā bin Sharf al-Nawawī (1996), *Minhāj al-Ṭālibīm*, cet. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

⁷¹ Shihab al-Dīn Ibnu Ḥajar al-Haitami (2001), *Tuḥfah al-Muḥtaj Bi Sharḥ al-Minhāj*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 3-5.

Selain dari dua kitab yang disebutkan di atas, penulis juga merujuk kepada kitab-kitab lain yang seperti *Rauḍah al-Ṭ lib̄m*⁷² yang merupakan ringkasan kepada kitab *Fath al-‘Aziz Fi Sharḥ al-Wajiz*⁷³ atau *al-‘Aziz Sharḥ al-Wajiz* dan disebut juga sebagai *al-Sharḥ al-Kabir*. Kitab ini boleh dianggap sebuah ensiklopedia mazhab Sh fi‘ī kerana perincian masalah-masalah *furū’* atau cabang *fiqh* yang dihuraikan di dalamnya. Ianya bukan sahaja menghimpunkan seluruh pendapat-pendapat mujtahid mazhab yang merata-rata di dalam pelbagai kitab, bahkan al-Im m al-R fi‘ī sendiri telah melakukan *pentarjīḥan* di antara pendapat-pendapat tersebut. Menurut al-Im m al-Nawawī kitab tersebut telah menjadi rujukan para pengikut mazhab di zaman beliau kerana kelebihan yang tersendiri sebagaimana yang telah dinyatakan di atas. Oleh kerana kitab tersebut terdiri daripada sejumlah jilid yang besar⁷⁴, maka al-Im m al-Nawawī telah memutuskan untuk meringkaskannya sedikit dengan tujuan mempermudah mereka yang berminat merujuk kitab. Atas faktor tersebutlah lahirnya kitab *Rauḍah al-Ṭ lib̄m* yang terdiri daripada beberapa buah jilid.⁷⁵ *Rauḍah al-Ṭ lib̄m* bukanlah ringkasan kepada *Sharḥ al-Wajiz* semata-mata bahkan ianya turut mengandungi beberapa penambahan dalam beberapa perkara yang dikira perlu oleh al-Im m al-Nawawī disamping beliau turut *mentarjīḥkan* beberapa masalah menurut pandangan dan ijtihad beliau sendiri.⁷⁶

Perbincangan tentang *fiqh* mazhab Sh fi‘ī tidak akan lengkap tanpa rujukan kepada sebuah lagi ensiklopedia mazhab yang telah dimulakan karangannya oleh al-

⁷² Muḥyī al-Dīn Yaḥyā bin Sharf al-Nawawī (2005), *Rauḍah al-Ṭ lib̄m*, cet. 1, Bayr t: D r al-Fikr.

⁷³ Ab al-Qāsim ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad al-Qazwīnī al-Rāfi‘ī (1997), *‘Aziz Sharḥ al-Wajiz*, cet. 1, Bayr t: D r al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

⁷⁴ Cetakan D r al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Bayr t yang terdiri daripada 13 jilid. Telah disemak semula oleh al-Shaykh ‘ dil Aḥmad ‘Abd al-Maujūd dan al-Shaykh ‘Alī Muḥammad Muawwad.

⁷⁵ Cetakan D r al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Bayr t yang terdiri daripada 8 jilid. Telah disemak semula oleh al-Shaykh ‘ dil Aḥmad ‘Abd al-Maujūd dan Al-Shaykh ‘Alī Muḥammad Muawwad.

⁷⁶ Al-Nawawī (2005), *op.cit.*, j.1, h. 47.

Im m al-Nawawī berjudul *al-Majm ' Sharḥ al-Muhadhdhab*.⁷⁷ Ianya merupakan antara karya terakhir yang dikarang oleh al-Im m al-Nawawī, penghuraian kepada kitab *al-Muhadhdhab* karya Ab Ishāq al-Shir zī (476 H). Walaupun kitab ini disebut sebagai menghurai kitab *al-Muhadhdhab* tetapi hakikatnya sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Im m al-Nawawī sendiri kitab tersebut adalah penghurai kepada mazhab Sh fi'ī dan mazhab-mazhab yang lain sekaligus⁷⁸ atau lebih menjurus kepada penulis *fiqh* perbandingan. Apatah lagi *al-Majm '* merupakan kitab terakhir yang dikarang oleh al-Im m al-Nawawī sebelum beliau meninggal dunia. Justeru amat signifikan untuk melihat pentarjīḥan al-Im m al-Nawawī melalui kitab *al-Majm '* . Melalui kitab ini, beliau turut menjelaskan kaedah pentarjīḥan yang digunapakai ketika menilai dalil-dalil yang ada. Sama ada kaedah penilaian terhadap hadis mahupun antara pendapat-pendapat para mujtahid mazhab.⁷⁹

Antara sumbangan ilmiah al-Im m al-Nawawī dalam *al-Majm '* ialah beliau telah menafsirkan ayat-ayat al-Quran, hadis dan *th r* yang dimuatkan di dalamnya, juga memberi penjelasan terhadap fatwa-fatwa, syair-syair, hukum-hakam iktikad dan *fiqh*, disamping menerangkan nama-nama tokoh dan perkataan yang memerlukan kepada huraian serta memperincikan perkara yang telah diringkaskan dan yang terangkum.⁸⁰ Kelebihan *al-Majm '* dapat dilihat kerana ianya turut menyatakan mazhab-mazhab sahabat, para *t bi' m* dan fuqaha yang bertaraf mujtahid serta dalil-dalil mereka samada dari al-Quran, Sunnah, ijmak mahupun *qiy s* sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Im m al-Nawawī sendiri di dalam pendahuluan kitabnya.⁸¹

⁷⁷ Muḥyī al-Dīn Yaḥya bin Sharaf al-Nawawī (2001), *al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab*, Bayr t: D r Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.

⁷⁸ *Ibid.*, h. 12.

⁷⁹ *Ibid.*, h. 95-114.

⁸⁰ *Ibid.*, h. 7.

⁸¹ *Ibid.*, h. 10.

Walau bagaimanapun al-Im m al-Nawawī tidak sempat menyudahkan penghuraian tersebut kerana beliau telah menemui ajalnya dan terhenti setakat bab riba. Usaha beliau telah disambung oleh al-Im m Taqiyy al-Dīn al-Subkī (756H) yang berusaha untuk menyiapkannya tetapi hanya berjaya menyiapkan tiga jilid berikutnya kerana kematian beliau yang telah menangguhkan proses penyempurnaannya sekali lagi. Usaha menyempurnakan *al-Majm* ' diteruskan oleh ulama-ulama yang seterusnya seperti 'Is bin Yusuf Mannān (1376H) dan Shaykh Muḥammad Najīb al-Muṭī'ī (1406H). Kitab *al-Majm* ' ini terdiri daripada dua puluh jilid dimana lapan jilid yang terakhir adalah karangan Shaykh al-Muṭī'ī.⁸²

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih tepat lagi tentang *khilafah* di antara al-Im m al-Rafi'ī dan al-Im m al-Nawawī penulis merujuk kepada kitab-kitab huraian kepada *Minhaj al-Talibin*. Maka antara huraian yang popular bagi kitab tersebut ialah *Tuhfat al-Muhtaj Bi Sharḥ al-Minhāj* atau ringkasnya disebut sebagai *Tuhfat* karangan al-Im m Ibn Hajar al-Haitmī yang telah disepakati atas keautoritiannya sebagai salah satu rujukan utama dalam mazhab. Bahkan pengarangnya juga dianggap sebagai generasi kedua pemurni mazhab Shafi'ī bersama dengan al-Im m Shams al-Dīn al-Ramli'ī selepas era al-Im m al-Rafi'ī dan al-Im m al-Nawawī.⁸³

Sebuah lagi kitab huraian kepada *Minhaj al-Talibin* ialah *Nihayah al-Muhtaj Ilā Sharḥ al-Minhāj* atau dikenali dengan *Nihayah* karangan al-Im m Shams al-Dīn al-Ramli'ī yang telah dibacakan kepada beliau dari awal hingga akhir seramai 400 orang ulama yang turut sama menyemak dan membetulkannya sehingga kesahihannya mencapai tahap *mutawtir*.⁸⁴

⁸² Akram Yusuf 'Umar al-Qawsimi (2003), *op.cit.*, h. 528.

⁸³ *Ibid.*, h. 410.

⁸⁴ *Ibid.*, h. 414.

Ibn al-Mulaqqan telah menghasilkan sebuah karya penting yang berjudul *Tuhfat al-Muhtaj il Adillah al-Minhaj*. Kitab ini mengumpulkan semua dalil-dalil yang menyokong hukum-hakam dalam kitab *Minhaj al-Talibin* karangan al-Imam al-Nawawi. Usaha yang dibuat oleh Ibn al-Mulaqqan ini ternyata sesuatu yang amat bermanfaat untuk mereka yang ingin mengambil faedah sebanyak mungkin dari kitab *Minhaj al-Talibin*. Penulis telah merujuk kitab ini dan mendapatinya sangat bermanfaat. Bukan sahaja disebutkan hadis bahkan darjat hadis juga dinyatakan. Jika sebuah hadis diriwayatkan oleh lebih dari seorang perawi, maka hukum hadis untuk setiap satu dinyatakan. Kitab tersebut dapat membantu penulis mengenal pasti hujah yang digunakan oleh al-Imam al-Nawawi ketika melakukan *pentarjihhan*.

Untuk mengetahui *usul* mazhab Shafi'i dalam menetapkan sesuatu hukum, penulis juga membuat rujukan kepada kitab *al-Risalah* yang bukan sahaja penulisan pertama bagi ilmu *usul al-fiqh* bahkan ianya juga merupakan kitab *usul al-hadith* pertama yang ditulis.⁸⁵ Karya al-Imam al-Shafi'i yang tidak ternilai harganya ini sangat signifikan untuk mengetahui *usul* mazhab yang telah diasaskan oleh beliau dan membandingkannya dengan kaedah *pentarjihhan* yang berlaku di peringkat pertama permurnian mazhab. Penulis telah mendapatkan kitab *al-Risalah* yang dicetak berdasarkan naskhah asal tulisan tangan oleh murid al-Imam al-Shafi'i bernama al-Rabi'i bin Sulaiman yang ditulisnya semasa hayat al-Imam al-Shafi'i *rahimahullah*. Kitab ini telah disemak semula dan dihuraikan oleh Ustaz Ahmad Muhammad Shkir dan merupakan ulasan terbaik yang dihasilkan untuk kitab *al-Risalah* sebagaimana yang dinyatakan oleh Dr. Akram Yusuf Umar al-Qawsimi.⁸⁶

⁸⁵ Ab 'Abdullah Muhammad bin Idris al-Shafi'i (t.t), *al-Risalah*, t.t.p: t.p., h. 13.

⁸⁶ Akram Yusuf Umar al-Qawsimi (2003), *op.cit.*, h. 562.

Sebagai rumusan daripada ulasan karya yang lalu, kajian ini akan memberi tumpuan khusus kepada aspek metodologi hukum mazhab al-Im m al-Shāfi'ī yang diaplikasikan oleh al-Im m al-Rāfi'ī dan al-Im m al-Nawawī dalam proses *pentarjihān* mereka berdua. Hasil daripada semakan penulis sehingga hari ini belum ada kajian khusus yang memberi tumpuan kepada pendekatan *pentarjihān* yang digunakan oleh kedua-dua al-Im m tersebut. Secara lebih khusus dalam bahasa Melayu belum ada lagi kajian yang membuat perbandingan antara al-Im m al-Nawawī dan tokoh-tokoh lain khususnya dalam bidang *fiqh* dan *uṣūl*. Tanpa menafikan disana ada kajian yang melibatkan al-Im m al-Nawawī dalam bidang *fiqh*, tetapi memberikan penumpuan kepada aspek-aspek lain. Selain itu, kajian ini juga akan mengangkat seorang lagi tokoh iaitu al-Im m al-Rāfi'ī sebagai subjek kajian di samping al-Im m al-Nawawī. Ketokohan al-Im m al-Rāfi'ī dalam mazhab Shāfi'ī jarang ditonjolkan dan kajian ini cuba untuk mengenegahkan usaha-usaha beliau dalam mengumpul dan *mentarjihān* pandangan-pandangan dalam mazhab Shāfi'ī.

1.7 Metodologi Kajian

1.7.1 Metode Kajian

Kajian ini adalah kajian perpustakaan sepenuhnya. Oleh itu metode yang akan digunakan adalah yang bersesuaian dengan keperluan kajian seperti berikut:

a) Metode historikal

Metode ini digunakan untuk mengetahui latarbelakang sejarah kehidupan dan pendidikan yang dilalui oleh kedua-dua Imam al-Rāfi'ī dan al-Nawawī. Oleh itu, kitab-kitab sejarah hidup tokoh dan salasilah ulama mazhab sangat membantu penulis untuk mendapatkan data-data yang diperlukan.

b) Metode Dokumentasi

Metode ini digunakan untuk memberi penjelasan tentang metodologi hukum mazhab Sh fi'ī. Ini bertujuan untuk memberi gambaran metodologi al-Im m al-Sh fi'ī sebelum membandingkannya dengan hukum-hukum yang difatwakan oleh mujtahid mazhab yang berikutnya al-R fi'ī dan al-Nawawī.

1.7.2 Sumber Data

Bagi mendapatkan data-data yang berkaitan, penulis akan merujuk kepada kitab-kitab *uṣ l al-fiqh* yang membahaskan metodologi hukum dalam mazhab Sh fi'ī seperti kitab *al-Ris lah*, *al-Mustasf* , *al-Ihkām* dan sebagainya.

Untuk mengetahui masalah-masalah *fiqh* yang diperselisihkan antara al-Im m al-R fi'ī dan al-Im m al-Nawawī penulis akan merujuk kepada kitab-kitab *fiqh* yang dikarang khusus oleh kedua-dua imam tersebut seperti *Fatḥ al- 'Azīz Fī Sharḥ al-Wajīz*, *al-Muḥarrar*, *Minh j al-Ṭ libīn* serta huraian kepadanya seperti *Tuḥfah al-Muḥt j* dan *Nih yah al-Muḥt j*. Tidak ketinggalan karya al-Im m al-Nawawī yang lain seperti *Rauḍah al-Ṭ libīn* dan *al-Majm '*.

1.7.3 Metode Analisis

Untuk kajian ini penulis akan menggunakan dua bentuk analisis:

a) Analisis induktif

Perkataan induktif berasal daripada bahasa Latin *inducer* yang bermaksud 'membawa atau menuju kepada'⁸⁷. Kamus Dewan mentakrifkan ia sebagai proses penghuraian yang membawa kepada pencapaian sesuatu kesimpulan hukum daripada fakta atau maklumat yang bersifat khusus.⁸⁸

⁸⁷ Mohd. Michael Abdullah (1995), *Pemikiran Kritis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 103.

⁸⁸ Noresah bt Baharom (2005), *op.cit.*, h. 576.

Menurut Sabitha Marican teori induktif ialah satu proses logik yang memberikan penjelasan umum berdasarkan pemerhatian yang spesifik.⁸⁹ Oleh itu penulis akan menggunakan kaedah ini untuk membuat kesimpulan-kesimpulan umum berdasarkan data-data khusus yang diperolehi. Metode ini akan digunakan dalam bab empat ketika melakukan analisis masalah-masalah *khilāf* hukum antara al-Imām al-R fi'ī dan al-Im m al-Nawawī. Dapatan yang diperolehi melalui sampel kajian akan menjadi asas kepada penentuan metode-metode *pentarjīhan* yang digunapakai oleh kedua-dua imam tersebut secara umum.

b) Analisis deduktif

Perkataan deduktif juga berasal dari bahasa Latin *deducere* yang bermaksud 'membawa atau menuju daripada'.⁹⁰ Ia turut dirujuk sebagai kesimpulan atau rumusan yang dibuat daripada maklumat atau fakta yang ada.⁹¹ Manakala Sabitha Marican menyatakan teori deduktif menggunakan proses logik yang bermula dengan kesimpulan yang umum dan membuat ramalan berdasarkan pengujian ke atas pemerhatian yang spesifik.⁹² Penulis telah menggunakan kaedah ini dalam membuat kesimpulan terhadap metode-metode *pentarjīhan* yang digunakan oleh al-Imām al-R fi'ī dan al-Im m al-Nawawī.

c) Analisis komparatif

Kaedah ini akan digunakan oleh penulis untuk membandingkan pendapat kedua-dua imam tersebut dalam masalah yang menjadi perselisihan antara mereka, khususnya dalam menganalisis sampel-sampel masalah yang telah dikenalpasti. Ini boleh dilihat dengan jelas dalam bab empat dibahagian analisis

⁸⁹ Sabitha Marican (2006), *Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik*, Batu Caves: Edusystem Sdn. Bhd. h. 18.

⁹⁰ Mohd. Michael Abdullah (1995), *op.cit.*, h. 103.

⁹¹ Noreshah bt Baharom (2005), *op.cit.*, h. 325.

⁹² Sabitha Marican (2006), *op.cit.*, h. 19.

masalah, apabila penulis membuat perbandingan antara hujah-hujah yang dikemukakan oleh kedua imam al-R fi'ī dan al-Nawawī dalam *pentarjihān* mereka.